

# USIM-MAINS meterai MoU jalin kerjasama tubuh klinik pakar kesihatan

SEREMBAN 21 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama, terutama dalam usaha menubuhkan klinik pakar kesihatan dan pusat hemodialisis.

Melalui kerjasama itu, USIM diberi kepercayaan oleh MAINS untuk mengurus dan membangunkan dana wakaf dan mengagihkan manfaat kepada golongan sasaran yang dihasratkan oleh wakif (orang yang mewakafkan).

Majlis menandatangani MoU itu diadakan di sini dengan disaksikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan yang juga Pengerusi MAINS.

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin; Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail; Timbalan Pengerusi MAINS, Datuk Abdul Razak Mansor dan Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad.

Selepas ini, beberapa projek lain juga akan dilaksanakan, antaranya projek wakaf, menubuhkan klinik pakar kesihatan dan Pusat Hemodialisis USIM serta mengembangkan

amalan berwakaf dan pendidikan Islam di negeri ini.

Klinik itu akan menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pergigian dan rawatan pesakit luar yang dikendalikan oleh khidmat profesional, termasuk doktor-doktor pakar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyerahan dana oleh MAINS sebanyak RM3.5 juta, dan RM2 juta daripadanya diperuntukkan untuk menubuhkan Klinik Pakar Kesihatan USIM di Nilai Square, Bandar Baru Nilai.

MAINS melalui Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS) akan turut membina Pusat Hemodialisis USIM-MAINS dengan anggaran kos sebanyak RM1.5 juta.

Pada majlis sama, Mohamad turut melancarkan Smart Zakat Tablet (SZT) oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan.

SZT menggunakan sistem operasi android, dilengkapi dengan perisian kalkulator zakat bagi memudahkan pengiraan zakat dibuat dengan cepat dan tepat.

Ia akan digunakan oleh para amil yang bertauliah dan terpilih di Negeri Sembilan.



ASMA Ismail (dua dari kiri) bertukar dokumen memorandum persefahaman (MoU) dengan Abdul Razak Mansor (kanan) sambil diperhatikan Mohamad Hasan (dua dari kanan) dan Abdul Shukur Husin (tengah) di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.